

## UPM, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) anjur Sambutan Jubli Emas Fakulti Pengajian Pendidikan yang ke-50



**SERDANG, 20 Januari-** Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan Majlis Peluncuran Sambutan Jubli Emas Fakulti Pengajian Pendidikan yang ke-50, menandakan perjalanan FPP yang telah mencapai usia 50 tahun.

Fakulti Pengajian Pendidikan telah ditubuhkan sejak 1975, telah melahirkan lebih 24,270 graduan yang kini berkhidmat di pelbagai institusi pendidikan. Usaha ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan generasi yang berilmu.

Naib Canselor UPM, YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata kecemerlangan FPP hari ini merupakan hasil usaha gigih, komitmen dan kerjasama erat seluruh warga fakulti.



"Saya ingin menzahirkan penghargaan atas komitmen FPP kerana bukan sahaja berperanan dalam membangunkan kualiti pendidikan tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kelestarian dunia," katanya

Dekan FPP, UPM, Prof. Madya Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar berkata FPP akan terus komited melahirkan pendidik untuk pemimpin masa depan serta berupaya meningkatkan kualiti pendidikan negara.



“FPP turut menyokong inisiatif PUTRA (Pertanian untuk Rakyat) dengan matlamat memasukkan elemen pertanian sebagai aktiviti luar bilik darjah secara langsung mengupayakan sektor pertanian dan pembangunan sosial masyarakat” katanya

Dalam pada itu, sempena dengan sambutan 50 tahun FPP, sebanyak 46 aktiviti telah dirangka sebagai pengisian sepanjang tiga hari sambutan itu mulai 16 Januari lalu.



Turut hadir dalam majlis peramian, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Ismi Arif Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Zamberi Sekawi, Pengerusi, Spectrum International School Putrajaya, Datuk Syed Mehdhar Bin Syed Abdullah, pesara FPP, alumni FPP serta warga universiti.